
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Institut Astin

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi TIGA bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, B dan C.

Arahan:

- I. Jawapan tidak boleh melebihi tiga halaman.
- II. Nyatakan dengan jelas teknik-teknik berfikir yang anda gunakan dalam jawapan anda.

Bahagian A:

1. Sekiranya tiada pekerja asing, industri perumahan di negara ini akan lumpuh. Menggunakan gaya-gaya berfikir yang sesuai, bincangkan kebenaran kenyataan ini.
[40 markah]
2. Jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur sebagai mangsa dan pendatang asing sebagai penyebabnya semakin berleluasa.
 - [a] Apakah persepsi anda terhadap kenyataan tersebut?
 - [b] Menggunakan teknik berfikir yang sesuai, cadangkan cara-cara yang paling berkesan membentaras jenayah ini.[40 markah]

Bahagian B:

3. Bencana alam seperti banjir, salji tebal dan kebakaran hutan yang melanda dunia dua tahun terakhir ini dapat dikaitkan dengan kesan sampingan pencerobohan Amerika Syarikat ke atas negara Iraq. Menggunakan kaedah pemikiran saintifik, bincangkan data yang diperlukan untuk menyokong hipotesis ini.
[40 markah]
4. Kenaikan tol lebuh raya di Malaysia seolah-olah tidak dapat dielakkan setiap tiga tahun, berdasarkan perjanjian dengan PLUS. Pengguna lebuh raya pada umumnya tidak berpuas hati dengan kenaikan kadar tol tersebut dan perkhidmatan yang masih kurang memuaskan oleh pihak PLUS.
 - [a] Menggunakan topi putih dan topi merah, bincangkan isu tersebut.
 - [b] Menggunakan kaedah segitiga konsep berikan cadangan kreatif agar PLUS dapat memuaskan hati pelanggan-pelanggan lebuh raya walaupun harga tol terus meningkat.
 - [c] Nilaikan cadangan-cadangan di atas dengan menggunakan satu alat berfikir yang sesuai.[40 markah]